

**Tinjauan Kesan Pembiayaan Perbankan Islam kepada Sektor Pembinaan Infrastruktur Semasa Pandemik Di Indonesia**

[Review of the Impact of Islamic Banks' Financing to Construction Sector During Pandemic in Indonesia]

Mohamad Torik Langlang Buana<sup>\*1</sup>, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali <sup>2</sup>, Intan Fatimah Anwar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pelajar Pasca Siwsazah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup>Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author : m.torik@mercubuana.ac.id

**Abstrak**

Pada awal 2020, berita di Indonesia telah mengumumkan melalui banyak saluran media bahawa sejenis virus baharu iaitu COVID-19 telah ditemui dan tersebar di daerah Wuhan, China. Walaubagaimanapun kemudian, seorang pesakit telah ditemui di Indonesia iaitu di Depok dan dengan pantas telah merebak ke seluruh Jakarta. Tindakan awal telah diambil oleh gabenor Jakarta, dengan melaksanakan Perintah Kendali Pergerakan (PKP) di Jakarta bermula pada pertengahan Mac 2020 bagi pelajar dan kemudian dilanjutkan kepada penangguhan aktiviti-aktiviti ekonomi hampir keseluruhan sektor di Indonesia. Namun begitu, hanya lima belas sektor yang dibenarkan beroperasi dan salah satunya adalah sektor

Manuscript Received Date: 08/10/21      Manuscript Acceptance Date: 5/12/21      Manuscript Published Date: 25/12/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact: [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

DOI: 10.33102/ujj.vol33noS4.429

bank dan pembinaan. Kerajaan Indonesia terus melakukan pemulihan termasuk pemberian vaksin pertama diberikan kepada presiden pada Januari 2021. Persoalannya adalah, bagaimakah situasi pandemik COVID-19 ini telah mempengaruhi pembiayaan bank-bank Islam terhadap sektor pembinaan? Kajian ini menggunakan data dalam talian daripada laporan sedia ada seperti statistik bank Indonesia dan laporan pembinaan industri bagi membantu membuat keputusan kepada penyelidik dalam membincang persoalan kajian. Ditemukan pembiayaan daripada Bank Islam bagi sektor pembinaan lebih baik dari tahun sebelumnya.

**Kata kunci:** Indonesia, pandemik COVID-19, bank Islam, pembiayaan Islam, sektor pembinaan

### Abstract

In early 2020, news in Indonesia announced through many media channels that a new virus, COVID-19, had been found and spread in Wuhan province, China. Later on, a patient was found in Indonesia, in Depok near Jakarta and rapidly spread throughout Jakarta. Preliminary action was taken by the governor of Jakarta, by implementing the Movement Control Order (MCO) in Jakarta starting in mid-March 2020 for students extended to the suspension of economic activities of almost all sectors in Indonesia. Subsequently, only fifteen sectors of business are allowed to operate which some of them is the banking and construction sectors. The Indonesian government continues to carry out recovery, including giving the first vaccine to the president in January 2021. The question is, how has this COVID-19 pandemic situation affected the financing of Islamic banks towards the construction sector ? This study use online data from available reports such as Indonesian Bank statistics and construction industrial reports to help the researchers in discussing for responding the research questions. The finding revealed that Islamic banks' financing to construction sector is better at this pandemic period.

**Keywords :** Indonesia, pandemic covid-19, Islamic bank, Islamic financing, construction

### 1. Pendahuluan

Di awal tahun 2020, pandemik COVID-19 telah merebak hampir keseluruhan dunia bermula dari Wuhan, China hingga merentasi benua seperti di Eropah, Timur Tengah, Afrika dan Amerika. Manakala negara-negara di benua Asia menjadi terancam kerana berada paling hampir dengan tempat asal bermulanya virus COVID-19 ini. Indonesia tidak ketinggalan sebagai salah sebuah negara yang turut terheret menjadi mangsa virus Corona. Kerajaan Indonesia tidak lama berdiam diri, sebaliknya telah mengambil langkah-langkah pro-aktif khasnya dalam menangani kemelut ekonomi yang berkaitan dengan COVID-19.

Sehingga Disember 2020, iaitu selama sepuluh bulan wabak tersebar di Indonesia, seramai 743,300 orang daripada 270 juta penduduk telah dijangkiti virus COVID-19 dan jumlah tersebut terus meningkat sehingga artikel ini ditulis pada akhir Julai 2021 menjadi 3,409,658 mangsa (NarasineWSroom, 2021). Situasi ini telah menukar wajah normal

sebuah negara terutamanya rutin dan aktiviti-aktiviti harian penduduk. Saluran media turut setiap hari dan masa melaporkan dan memberi maklumat penting tentang COVID-19 yang berlaku samada di luar atau dalam negara.

Kerajaan Indonesia telah mengambil dan melaksanakan banyak tindakan proaktif dalam mengendali langkah pencegahan COVID-19. Sebuah pasukan khas iaitu Gugus Tugas COVID-19 adalah antara tindakan awal yang ditubuhkan pada awal Mac 2020 bagi menangani masalah pandemik ini. Masyarakat disarankan memberi sokongan terhadap pasukan ini dan memupuk kesedaran awam terhadap simptom, prosedur, kesan dan bahaya COVID-19 kepada individu, keluarga dan masyarakat amnya (Putri, 2020). Walaubagaimanapun, pada Julai 2020 pasukan petugas pengendalian Gugus Tugas COVID-19 telah digantikan dengan terbentuknya unit baru iaitu Satuan Tugas COVID-19. Dan pada tahun 2021, tidakan perbaikan terus ditubuhkan termasuk pemberian vaksin ([p2p.kemkes.go.id](http://p2p.kemkes.go.id)).

Kerajaan Indonesia baru saja menyusun rencana pengembangan infrastruktur yang lebih baik (Bappenas, 2019), dalam sektor binaan sebelum terjadinya pandemik ini, seperti yang dilaporkan oleh Bisnis.com (2020), kerajaan telah membuka peluang menawarkan pakej kerja di Kementerian Pekerjaan Awam dan Perumahan (PUPR) yang bernilai hampir Rp100 miliar atau hampir RM300 ribu kepada syarikat binaan persendirian dengan kelayakan untuk usaha kecil dan sederhana (UKM). Penurunan kadar faedah pinjaman oleh bank-bank juga turut dicadangkan oleh syarikat-syarikat binaan pada November 2019 (Bisnis.com, 2019). Ketika wabak melanda, menteri PUPR mengesahkan bahawa kerja-kerja pembinaan tidak akan dihentikan kecuali pemiliknya meminta untuk melakukannya (Merdeka.com, 2020). Pada waktu yang sama, kerajaan Indonesia juga membuat rencana untuk ekonomi Islam (OJK, 2020a). Manakala, dalam memastikan pengusaha mikro dapat menerus dan menguruskan perniagaan mereka ketika berhadapan dengan krisis ini, adalah penting untuk memberikan bantuan dan kemudahan sokongan yang lebih relevan kepada mereka khususnya yang berada di kawasan kurang maju (Fabeil, Pazim, & Langgat, 2020), ini kerana kerja-kerja infrastruktur sangat diperlukan sebagai tulang belakang perniagaan ketika pandemik berlaku.

Jakarta sebagai sebuah ibu negara di mana majoriti syarikat-syarikat induk berada amat terkesan apabila mempunyai kadar peningkatan jangkitan yang sangat tinggi. Maka, Gabenor Jakarta telah mengeluarkan arahan penghentian kegiatan bermula daripada sekolah (Pikiran-rakyat.com, 2020) lalu melarang perniagaan dijalankan kecuali perniagaan yang berkaitan kesihatan, bahan mentah makanan, tenaga, informasi komunikasi, kewangan, logistik, perhotelan, pembangunan awam, industri strategi, layanan awam dan keperluan harian (kompas.com, 2020). Penghentian sebahagian besar perniagaan telah mengakibatkan mobiliti awam yang perlakan dan memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti rutin masyarakat serta sekaligus merencat ekonomi seluruh Indonesia. Perintah kawalan pergerakan terkini pada tahun 2021 adalah PPKM (pemberlakuan pembatasan kegiatan masyarakat) untuk Jawa Bali bermula pada 2 Julai 2021 yang membenarkan operasi pembinaan tetap berjalan (Kompas.com, 2021), dan terakhir adalah PPKM Mikro Level 1-4 sehingga Ogos 2021 (Republika.com, 2021).

## **2. Pernyataan Masalah**

Perbankan Islam mempunyai rancangan dan strategi yang ditubuhkan dengan baik, juga rencana infrastruktur telah dirancang dengan teratur, namun semua ini telah terganggu dengan pandemik yang tidak terancang yang mengubah norma. Bagaimana kesan pandemik terhadap pembiayaan bank Islam kepada sektor infrastruktur di Indonesia ?

## **3. Kajian Literatur**

Pandemik ini mendorong sebilangan *scholars* untuk melakukan penyelidikan berkaitan dengan wabak tersebut. Pada awal masa pandemik, beberapa penyelidik Indonesia menerbitkan beberapa artikel, seperti satu artikel dibuat oleh kumpulan penyelidik Indonesia dari pelbagai negara: UNU-IAS Jepun; NIT Jepun; TMU Jepun, CDU Australia, DIE Jerman, Bappenas, Lipi, UI, ITS, UHO Indonesia yang diterbitkan di Elsevier, telah membincangkan senarai peraturan dari kerajaan Indonesia (Djalante et al., 2020); kumpulan penyelidik dari Universitas Padjajaran yang membincangkan khas kes ekonomi semasa awal pandemik (Unpad, 2020), kajian bertajuk impak ekonomi makro di Indonesia (Susilawati, Falefi, & Purwoko, 2020), juga penyelidik ekonomi Islam yang membincang Qardh (Iskandar, Possumah, & Aqbar, 2020) dan penyelidik psikologi sosial yang membincang tingkah laku semasa pandemik (Buana, 2020). Terdapat artikel bertajuk *A Literature Review of the Economics of COVID-19*, membincangkan apa yang terjadi secara global (Brodeur, Gray, Islam, & Bhuiyan, 2020), artikel bertajuk strategik pemulihan perniagaan (Fabeil et al., 2020) berkaitan dengan kelakuan peniaga (Mohd Dali, Hamid, Nawang, & Nazarie, 2020), juga cadangan senario hadapan bagi umat muslim (Hasan, 2020).

Sehingga pertengahan 2021, penyelidikan COVID-19 di Indonesia, berdasarkan hasil carian menggunakan kata kunci tersebut, ditemui hampir 5,500 tajuk tentang COVID di pangkalan data penyelidikan Indonesia [www.garuda.ristekbrin.go.id](http://www.garuda.ristekbrin.go.id) yang merangkumi semua subjek penyelidikan, sedangkan dalam jurnal scopus index, ditemui sebanyak 2,113 tajuk COVID berkaitan Indonesia dan 199 tajuk COVID berkaitan pembinaan, seperti hartanah (Oey & Lim, 2021), pembiayaan pembinaan perumahan dari bank Islam (Fakhrunnas, Tumewang, & Anto, 2021), namun tidak ditemui artikel khas seperti cadangan bagi syarikat binaan (Anwar, Samsudi, & Abd Aziz, 2013)

Melalui artikel COVID-19 yang ditemui pada pangkalan data penyelidikan, baik tempatan ataupun jurnal dengan index, belum ditemui artikel yang membincangkan pembiayaan bank syariah untuk pembinaan infrastruktur secara khas semasa pandemik, Khususnya di Indonesia.

#### **4. Metodologi**

Pengumpulan data dijalankan melalui analisis dokumen supaya dapat memberikan maklumat yang tepat dan relevan kepada isu dan permasalahan yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan adalah sedia ada dan tidak boleh dimanipulasi (Jasmi, 2012). Kaedah pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah sorotan kajian dan pemerhatian. Manakala, jenis data adalah menggunakan data sekunder. Data-data ini diekstrak daripada media dalam talian berdasarkan kriteria data dari laman-laman web rasmi seperti laman web kerajaan Indonesia, laman web berita *online* rasmi dan data yang diproses dari sumber-sumber yang relevan. Kriteria data sama sekali tidak diambil dari laman web peribadi seperti blog, petikan peribadi samada individu atau badan bukan kerajaan, media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter ataupun sembang media. Jangka masa pengumpulan data maklumat bermula dari Januari 2020 hingga Julai tahun 2021. Data-data yang dikumpulkan adalah berasal dari penerbitan di Indonesia dan antarabangsa yang berkaitan dengan Indonesia atas talian. Lokasi penyelidikan ini dilakukan di Bandaraya Jakarta iaitu ibu negara Indonesia. Manakala, tempoh waktu penyelidikan bermula pada Julai 2020 sehingga Julai 2021.

Analisis Maklumat dilakukan dengan sorotan kajian dan pemerhatian, analisis data disediakan dalam bentuk naratif penjelasan yang berkaitan dengan kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi di Indonesia. Triangulasi data, juga digunakan pada kajian ini. Dalam sesebuah kajian kualitatif, lagi banyak data ditriangulasi, makin tinggi ketepatan fakta dan lagi kuat kesahannya. Oleh yang demikian, triangulasi data amat diberi perhatian dalam meningkatkan mutu data (Jasmi, 2012).

#### **5. Dapatkan Kajian**

Kajian ini menemui beberapa artikel yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan semasa wabak COVID-19 yang diterbitkan dalam masa yang sama terjadinya wabak pandemik dengan membuat beberapa kesimpulan ke atas beberapa cadangan penambahbaikan seperti dipetik pada para di bawah:

##### **5.1 Potensi Kesan Ekonomi dan Kewangan**

Merujuk kepada sebuah artikel yang diterbitkan di Elsevier, pada awal April 2020, yang dibuat oleh enam belas pakar Indonesia daripada universiti-universiti dalam dan luar negara serta pelbagai institusi-institusi di Indonesia seperti Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) dan Badan Perencanaan Pembangunan Nasional (Bappenas) telah mengesyorkan lima cadangan, antara lain adalah untuk menguatkan daya tahan ekonomi (Djalante et al., 2020).

Menurut Carlsson-Szlezak et al. (2020a) dan Carlsson-Szlezak et al. (2020b), terdapat tiga saluran penghantaran utama. Pertama, adalah kesan langsung, iaitu berkaitan dengan pengurangan penggunaan barang dan perkhidmatan. Kedua, adalah kesan tidak langsung melalui kejutan pasaran kewangan dan kesannya terhadap ekonomi sebenar. Kekayaan isi rumah mungkin akan jatuh dan simpanan akan bertambah meningkat namun perbelanjaan

penggunaan akan menurun lebih jauh. Ketiga, terdiri dari sudut kekangan penawaran iaitu disebabkan COVID-19 telah merencatkan pengeluaran. Ianya boleh memberi kesan negatif kepada rantai bekalan, permintaan buruh dan pekerjaan yang mana ini akan menyebabkan tempoh pemberhentian kerja yang berpanjangan dan peningkatan kadar pengangguran. Baldwin (2020) membincangkan kejutan jangkaan yang berlaku ketika COVID-19 adalah seperti sikap tunggu dan lihat yang diambil oleh ejen-ejan ekonomi, bahawa ini biasa berlaku semasa iklim ekonomi yang dicirikan oleh ketidakpastian kerana kurang keyakinan pasaran dan urus niaga ekonomi (Brodeur et al., 2020).

### 5.2 Penunjuk Amaran pada Perbankan

Pengubal dasar boleh mereka bentuk model ramalan *early warning signal* berdasarkan peningkatan mendadak dalam hutang isi rumah dan harga rumah sebelum krisis yang dapat membantu mengurangkan atau meringankan kesan kejutan ekonomi yang akan datang melalui pemantauan perubahan makroekonomi (Samad, Daud, & Dali, 2020). Indonesia berpotensi tumbuh sebanyak negatif 0.4 peratus yang merupakan senario terburuk (UI.ac.id, 2020), dan realisasinya negatif 2.07 peratus (Bank Indonesia, 2020). Sektor ekonomi yang paling banyak dipengaruhi oleh COVID-19 adalah sektor perdagangan dan reparasi sebesar negatif 3.72 peratus. Penurunan *BI-7 Day Reverse Repo Rate (BI7DRR)*, suku bunga kemudahan deposit dan suku bunga kemudahan pinjaman, pemantauan perkembangan ekonomi global dan domestik yang dilakukan oleh Indonesia perlu dinilai dengan tepat sehingga kadar inflasi dapat dikurangkan dan kestabilan ekonomi berterusan (Susilawati et al., 2020). Menteri kewangan memberikan banyak rangsangan pada ekonomi Indonesia, seperti pengecualian cukai, kastam barang milikan import, jaminan pinjaman bagi syarikat, dan khas bagi pembinaan yang berkaitan pengairan (<https://www.kemenkeu.go.id/covid19>).

### 5.3 Rujukan Kewangan Islam

Beberapa cadangan daripada pakar ekonomi Islam kepada sesebuah negara yang majoriti adalah penduduk Muslim ketika wabak melanda adalah mengusulkan pinjaman *Qardh* iaitu merupakan keprihatinan bagi pemilik wang untuk meminjamkan saudaranya yang berada dalam kesempitan tanpa dikenakan faedah, hanya membayar pinjamannya sahaja. Selain itu untuk zakat dan infaq juga dilihat dapat membantu dalam permasalahan kewamangan semasa kegawatan ini (Iskandar et al., 2020), dan wakaf dapat membantu (Anwar, Mohd, Shah, Shukor, & Nazri, 2020). Walaubagaimanapun, arahan khas kewangan Islam tidak nampak, semua berpadu dengan kewangan nasional. Namun pembinaan tidak masuk dalam kategori penerima dana tersebut.

### 5.4 Pembangunan Mengikut Kementerian Pekerjaan Awam

Melalui maklumat yang disiarkan oleh laman rasmi milik Kementerian Kerja dan Perumahan Awam Republik Indonesia, telah dimaklumkan mengenai kerja jalan nasional ketika wabak iaitu pemeliharaan jalan Nagreg-Rajapolah sejauh 49 kilometer di daerah Jawa Barat. Selain itu, pelaksanaan pembangunan jalan 5 KSPN dalam bentuk '*non-prioritas super mendesak*' di Danau Toba, Borobudur, Mandalika, Labuan Bajo dan Manado-Likupang yang merangkumi pembinaan semula jalan, pelebaran, rehabilitasi,

turapan dan saliran, jalan baru dan pembinaan jambatan. Kesemua ini adalah dianggarkan berjumlah Rp402,5 miliar atau RM114.8 juta.(@kemenpupr, 2020). Komitmen perlu diteruskan dengan memfokus kepada pemeliharaan jalan nasional bagi tujuan kelancaran logistik ketika krisis melanda, misalnya di daerah Nganjuk, Kediri dan Jombang sepanjang yang melibatkan jalan sepanjang 307 kilometer. Manakala Arahan Presiden yang merujuk kepada arahan presiden bernombor 4/2020 dan Peraturan Presiden 54/2020 yang berkaitan dengan mempercepat realisasi perbelanjaan sehingga akhir bulan Jun 2020, penyerapan perbelanjaan infrastruktur telah diserap sebanyak 32 peratus dan kemajuan fizikal sebanyak 31 peratus yang bermaksud bahawa berdasarkan kalendar, ia masih ketinggalan 20 peratus. Namun, menurut Direktorat Jenderal Pembinaan Kementerian PUPR, terdapat pemotongan beranggaran sebanyak 37 peratus dan pelaksanaan projek bina marga (bahagian projek jalan raya nasional) yang telah dilaksanakan sebanyak 64 peratus (Detiknews.co.id 2020). Sehingga Disember 2020, sepanjang 463 kilometer jalan nasional telah selesai dibina, juga 246 kilometer jalan tol selesai dibina (Nasional.kontan.co.id, 2021).

### 5.5 Maklumat Mengenai Laporan Bank

Kredit perbankan ketika di awal pandemik iaitu Mei 2020 telah mengalami kenaikan berbanding Mei 2019, dengan angka IDR 5,586 trilion atau RM 1.595 juta dan pada akhir 2020 angka kredit sebesar IDR 5,481 trilion yang lebih rendah 2 peratus daripada 2019. Manakala, kredit daripada bank Islam adalah sebanyak IDR 363.4 bilion atau RM 103 juta, yang juga lebih tinggi berbanding May 2019. Pada akhir tahun 2020, pembiayaan dari Bank Islam sebanyak IDR 383.9 bilion yang lebih tinggi dari 9 peratus dari tahun 2019 (OJK, 2020b).

Pembiayaan sektor pembinaan, bank konvensional sehingga Mei 2020 adalah IDR 360.5 billion atau RM 103 juta dan akhir 2020 sebanyak IDR 374.4 billion yang naik hanya 4 peratus. Manakala bank Islam bulan yang sama adalah IDR 31.824 billion atau RM 9.36 juta, pembiayaan sektor pembinaan akhir 2020 ialah sebesar IDR 37.9 bilion yang lebih tinggi 18% dari tahun 2019 (OJK, 2020b).

Secara total, pembiayaan dari bank Islam meningkat, walaupun ada yang tidak lebih tahun 2019. Pada tahun 2021, tiga bank milik kerajaan, iaitu Bank Rakyat Indonesia Syariah, Bank Nasional Indonesia Syariah dan Bank Syariah Mandiri telah digabungkan menjadi Bank Syariah Indonesia, manakala Bank Net syariah yang sebelumnya adalah Maybank Syariah diganti dengan Bank Aladin Syariah.

Sungguhpun terdapat amaran bagi bank syariah ketika awal pandemik tahun 2020 (Detik.com, 2020), namun hasil di akhir 2020 adalah baik dan pada tengah tahun 2021, adalah masih keadaan baik (Republika.co.id, 2021). Sebagaimana penyelidik melakukan temu ramah dengan Chief Economist BSI (Bank Syariah Indonesia) pada 31 Julai 2021 ketika webinar di Universiti Mercu Buana bertajuk ‘Pandemi dan Keuangan Syariah’ telah menyatakan bahawa BSI masih terus akan menyalurkan pembiayaan bagi sektor pembinaan infrastruktur dengan terma dan syarat terpakai.

Isyarat amaran awal juga dilakukan oleh Kementerian Kewangan Indonesia, iaitu dengan memberikan rangsangan dan peruntukan yang berkaitan dengan kaedah pinjaman, khas bagi industri kecil sederhana. Bantuan yang berkaitan dengan minat bagi perniagaan kecil dan sederhana di mana terdapat banyak kontraktor dalam kategori ini adalah jawapan yang baik untuk persoalan kajian seterusnya, kontraktor yang berkelayakan dengan rangsangan ini adalah yang mendaftar di laman web agensi iaitu [https://podiumkm.id/](https://padiumkm.id/), yang juga meliputi kepada pembekal bahan bagi kontraktor dan perunding. Kontraktor kecil boleh mendapatkan penyusunan semula kredit bagi yang mempunyai hutang sebanyak IDR 10 bilion atau MYR 2.9 milion ([www.kemenkeu.go.id/covid19](http://www.kemenkeu.go.id/covid19)).

## 6. Kesimpulan

Sebagai penutup, permasalahan ini dilihat dari sektor pembinaan infrastruktur masih tetap optimis untuk mempertahankan rancangan yang sedia ada, walaupun terdapat beberapa petunjuk untuk mengurangi anggaran di 2020. Sementara itu, kesan kewangan memberikan kesan yang pasti telah menunjukkan hasil yang baik pada masa pandemik, dalam membiayai segmen kontraktor binaan. Walaupun begitu, sehingga tengah tahun 2021, bank-bank Islam di Indonesia menunjukkan hasil yang baik secara korporat dan juga dalam bidang pembiayaan pada sektor pembinaan menurut sumber berita semasa.

## Rujukan

### Buku

Mahfudz, A H, 2018, Mengkaji Manajemen Krisis di Indonesia, Deepublish, Yogyakarta, Indonesia

### Jurnal

- Anwar, I. F., Mohd, Shah, N. R., Shukor, S. A., & Nazri, A. M. (2020). Pandemik Covid-19: Wakaf Sebagai Altenatif Penyelesaian Kepada Malaysia. *SAIS 2020 Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains*, 303–314.
- Anwar, I. F., Samsudi, S., & Abd Aziz, S. (2013). Lakaran Perjalanan Sebuah Syarikat Kontraktor Bumiputera. *Islamic Economics System Conference (IECONS)*, USIM, (September).
- Bank Indonesia. (2020). *Laporan perekonomian indonesia 2020*.
- Bappenas. (2019). Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional 2020-2024. In *Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional 2020-2024*.
- Brodeur, A., Gray, D. M., Islam, A., & Bhuiyan, S. J. (2020). A Literature Review of the Economics of COVID-19. *IZA Discussion Papers*, (13411). Retrieved from <https://ideas.repec.org/p/iza/izadps/dp13411.html>
- Buana, R. D. (2020). Analisis Perilaku Masyarakat Indonesia dalam Menghadapi Pandemi Covid-19 dan Kiat Menjaga Kesejahteraan Jiwa. *Salam Jurnal Sosial & Budaya Syar-Isosial Dan Budaya, Fakultas Syariah Dan Hukum Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta*, 7(3), 217. Retrieved from file:///C:/Users/User/Downloads/fvm939e.pdf
- Djalante, R., Lassa, J., Setiamarga, D., Sudjatma, A., Indrawan, M., Haryanto, B., ... Warsilah, H. (2020). Review and Analysis of Current Responses to COVID-19 in Indonesia\_ Period of January to March 2020. *Progress in Disaster Science*, 6(10091).

- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2).
- Fakhrunnas, F., Tumewang, Y. K., & Anto, M. B. H. (2021). The Impact of Inflation on Islamic Banks' Home Financing Risk: Before and During the COVID-19 Outbreak. *Banks and Bank Systems*, 16(2), 78–90. [https://doi.org/10.21511/bbs.16\(2\).2021.08](https://doi.org/10.21511/bbs.16(2).2021.08)
- Hasan, Z. (2020). Covid-19 and the Future Scenarios of Muslim Societies. *Ulum Islamiyah*, 32(1), 69.
- Iskandar, A., Possumah, B. T., & Aqbar, K. (2020). Peran Ekonomi dan Keuangan Sosial Islam Saat Pandemi Covid-19. *Salam Jurnal Sosial & Budaya Syar'I*, 7(7), 631.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Johor Bahru*.
- Mohd Dali, N. R. S., Hamid, H. A., Nawang, W. R. W., & Nazarie, W. N. F. W. M. (2020). Post Pandemic Consumer Behavior: Conceptual Framework. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(May), 13–24. Retrieved from <https://jmifr.usim.edu.my/index.php/jmifr/article/view/280>
- Oey, E., & Lim, J. (2021). Challenges and Action Plans in Construction Sector Owing to COVID-19 Pandemic – a case in Indonesia Real Estates. *International Journal of Lean Six Sigma*, 2021. <https://doi.org/10.1108/IJLSS-09-2020-0149>
- OJK. (2020a). Roadmap Pengembangan Perbankan Syariah Indonesia 2020-2025. In *Otoritas Jasa Keuangan Indonesia*.
- OJK. (2020b). Statistik Perbankan Indonesia Desember 2020. In *Otoritas Jasa Keuangan Indonesia Desember 2020* (Vol. 19).
- Putri, R. N. (2020). Indonesia dalam Menghadapi Pandemi Covid-19. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 20(2), 705. <https://doi.org/10.33087/jiubj.v20i2.1010>
- Samad, K. A., Daud, S. N. M., & Dali, N. R. S. M. (2020). Early Warning Indicators for Systemic Banking Crises : Household Debt and Property Prices. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54(1), 1–14.
- Susilawati, S., Falefi, R., & Purwoko, A. (2020). Impact of COVID-19's Pandemic on the Economy of Indonesia. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences*, 3(2), 1147–1156. <https://doi.org/10.33258/birci.v3i2.954>
- Unpad, D. akuntansi. (2020). Implementasi Kebijakan Keuangan di Pemerintah Pusat dan Daerah Akibat Pandemi Covid-19. *Center for Accounting Studies Unpad*. Retrieved from <http://www.feb.unpad.ac.id/implementasi-kebijakan-keuangan-di-pemerintah-pusat-dan-daerah-akibat-pandemi-covid-19/>

## Akta

PERGUB 33/2020 Tentang PSBB DKI

SE No. 3/2020 Tentang Pencegahan Corona pada Pendidikan

PMK 85/PMK.05/2020 Tentang subsidi bunga bagi UMKM

PP 21/2020 Tentang PSBB Indonesia

## Internet

- 16 Aturan PPKM Darurat Jawa Bali, Berlaku Mulai Hari Ini.  
<https://www.kompas.com/tren/read/2021/07/03/070200565/16-aturan-ppkm-darurat-jawa-bali-berlaku-mulai-hari-ini?page=all> (diakses 31 Julai 2021)
- 8 Jenis Sektor Usaha yang Diizinkan Beroperasi dengan Mengikuti Protap Selama PSBB Jakarta.  
<https://megapolitan.kompas.com/read/2020/04/08/07404491/8-jenis-sektor-usaha-yang-diizinkan-beroperasi-dengan-mengikuti-protap> (diakses 31 Julai 2021)
- Begini Ganasnya Dampak Corona terhadap Proyek Infrastruktur.  
<https://finance.detik.com/infrastruktur/d-5051410/begini-ganasnya-dampak-corona-terhadap-proyek-infrastruktur> (diakses pada 1 Ogos 2020)
- Diperpanjang Hingga 2 Agustus, PPKM Level 4 Lebih Longgar.  
<https://www.republika.co.id/berita/qwsvrp428/diperpanjang-hingga-2-agustus-ppkm-level-4-lebih-longgar> (diakses pada 31 Julai 2021)
- DKI Tertinggi, Ini Sebaran 2.040 Kasus Baru Corona Indonesia 31 Juli.  
<https://health.detik.com/berita-detikhealth/d-5115622/dki-tertinggi-ini-sebaran-2040-kasus-baru-corona-indonesia-31-juli> (diakses pada 2 Ogos 2020)
- Ekonom UI : Memahami Kaitan Perekonomian dan Virus Corona. <https://www.ui.ac.id/ekonom-ui-memahami-kaitan-perekonomian-dan-virus-corona/> (diakses pada 31 Julai 2021)
- Kontraktor Minta agar Bank Turunkan Bunga Pinjaman.  
<https://ekonomi.bisnis.com/read/20191114/45/1170187/kontraktor-minta-agar-bank-turunkan-bunga-pinjaman> (diakses pada 20 Julai 2020)
- Memahami Kaitan Ekonomi dengan Virus Cina. <https://www.ui.ac.id/ekonom-ui-memahami-kaitan-perekonomian-dan-virus-corona/> (diakses pada 1 Ogos 2020)
- Mantapnya Kinerja 2 Bank Syariah, Ungguli Bank Konvensional.  
<https://www.republika.co.id/berita/qsr4uy440/mantapnya-kinerja-2-bank-syariah-ungguli-bank-konvensional> (diakses 31 Julai 2021)
- OJK Buka-bukaan kondisi bank Syariah di Tengah Pandemi Corona.  
[https://finance.detik.com/moneter/d-5105143/ojk-buka-bukaan-kondisi-bank-syariah-di-tengah-pandemi-corona?tag\\_from=wp\\_hl\\_img](https://finance.detik.com/moneter/d-5105143/ojk-buka-bukaan-kondisi-bank-syariah-di-tengah-pandemi-corona?tag_from=wp_hl_img) (diakses pada 1 Ogos 2020)
- Kemenkeu Tanggap COVID-19: Informasi Terkini. <https://www.kemenkeu.go.id/covid19>. (diakses 31 Julai 2021)
- Program Vaksinasi COVID-19 Mulai Dilakukan, Presiden Orang Pertama Penerima Suntikan Vaksin COVID-19. <http://p2p.kemkes.go.id/program-vaksinasi-covid-19-mulai-dilakukan-presiden-orang-pertama-penerima-suntikan-vaksin-covid-19/> (diakses pada 31 Julai 2020)
- Proyek Infrastruktur: Kontraktor Swasta Diminta Lebih Berperan Besar.  
<https://ekonomi.bisnis.com/read/20200130/45/1195631/proyek-infrastruktur-kontraktor-swasta-diminta-lebih-berperan-besar> (diakses pada 2 Ogos 2020)
- Proyek Strategis Nasional Sebagai Penyangga Ekonomi Bangsa.  
<https://investor.id/infrastructure/proyek-strategis-nasional-sebagai-penyangga-ekonomi-bangsa> (diakses pada 4 Ogos 2020)

Kesan Pandemik Terhadap Pembiayaan Bank-bank Islam Pada Sektor Pembinaan di Indonesia

Realisasi anggaran Kementerian PUPR mencapai 93,9% pada 2020.  
<https://nasional.kontan.co.id/news/realisasi-anggaran-kementerian-pupr-mencapai-939-pada-2020> (diakses 31 Julai 2021)

Sekolah di DKI Jakarta Libur Dua Pekan sejak 16 Maret 2020. <https://www.pikiran-rakyat.com/pendidikan/pr-01351164/sekolah-di-dki-jakarta-libur-dua-pekan-sejak-16-maret-2020> (diakses pada 31 Julai 2021)

@kemenpupr 17 Julai 2020, 20 Julai 2020, 15 Februari 2021, 19 April 2021

@narasinewsroom 24 Julai 2020, 31 Julai 2021